

10 AUG 1996
Gerakan-Kong
GERAKAN AKAN TENTUKAN NASIB KONG ESOK

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Gerakan akan menentukan nasib bekas pengerusi penaja Gerakan Sabah Datuk Kong Hong Ming di dalam parti itu esok tetapi sumber-sumber parti itu berkata beliau dijangka akan dipecat daripada Gerakan.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini berkata Jawatankuasa Pusat parti (CC) akan bermesyuarat esok di ibu pejabatnya bagi menentukan tindakan ke atas Kong.

"Keputusannya hanya satu sahaja," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan seminar motivasi selama dua hari anjuran pergerakan Pemuda Gerakan di sini.

Jawatankuasa Kerja Pusat Gerakan (CWC), badan pembuat keputusan tertinggi parti itu, menggantung keanggotaan Kong 14 Julai lepas kerana tidak menyokong pindaan Enakmen Perhutanan Sabah 1968 pada 17 Jun.

Beliau juga tidak hadir pada sesi mengundi bagi empat lagi rang undang-undang yang bertujuan untuk menghadkan kuasa Ketua Menteri Sabah.

CWC juga memberikan Kong sepucuk surat tunjuk sebab yang mengarahkan beliau memberikan alasan mengapa beliau tidak boleh dipecat daripada parti itu.

Isnin lepas, Kong, yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kudat dan bekas Menteri Perkhidmatan Masyarakat Sabah, mengumumkan bahawa timbalan pengerusi badan penaja Gerakan Sabah Dr Chong Eng Leong telah mengambil alih tugasnya sebagai pengerusi badan itu.

Dr Lim enggan mengulas sama ada Kong, yang juga naib presiden Gerakan, akan dipecat daripada parti itu tetapi berulang kali mengatakan bahawa hanya ada "satu keputusan sahaja" terhadap Kong pada mesyuarat esok.

Kong telah dikritik oleh para pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) kerana tidak menyokong pindaan itu. Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa Kong patut keluar daripada parti itu atau mengubah pendiriannya.

Reaksi daripada para pemimpin BN itu memaksa Kong menawarkan untuk meletak jawatannya dan Isnin lepas beliau dipetik sebagai berkata bahawa beliau akan menyerahkan kepada Jawatankuasa Pusat Gerakan untuk menentukan nasibnya dan akan menerima sebarang tindakan ke atasnya.

Anggota Dewan Undangan Negeri Sabah yang dilantik Jahid Jahim dari Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu telah dipecat daripada parti itu kerana mengundi menentang pindaan Enakmen Perhutanan itu.

-- BERNAMA
ES MZ AHH